

## ABSTRACT

Strategy use is a highly researched area, more so in the L1 context than the L2 context. On the other hand, summary writing has been rarely studied in the L2 context despite its importance to reading comprehension. This study has tried to investigate and evaluate the strategies used by Malaysian sixth formers in summary writing.

The study adopted a mixed research design that used both quantitative (SILL Questionnaire) and qualitative (Modified Think-Aloud Protocol and document analysis of written summaries) research approaches. Strategies are normally used to overcome problems. Therefore, firstly the study explored the problems faced by both high and low proficiency students and the strategies employed at the three different stages of summarization, namely comprehension, condensation and production. The strategies were first inferred by the researcher from the Modified Think-Aloud Protocol sessions. The lists of inferred strategies were then categorized as productive or unproductive strategies based on a Criteria Checklist developed by the researcher. This aspect of classifying strategies is unique as it has not been carried out in any other related study. Finally, the summary scripts of the 25 subjects were examined to study the differences in strategy use between high and low proficiency students. The SILL Questionnaire was also used to get an overview of students' general strategy use.

The main findings of the study show that both high and low proficiency students generally face similar problems during summarization, pertaining to text and task, teacher and learner proficiency. However, the difference lies in the propensity of the

problems. The study also establishes that both high and low proficiency students use various productive and unproductive strategies at the three stages of summarization. Thirdly, the findings also revealed that the high group used more paraphrasing while the low group used more copying.

Hence it can be concluded that a combination of factors such as learners' proficiency, use of productive strategies and systematic instruction from teachers can enhance and improve summary writing, a tool to better literacy.

## ABSTRAK

Penggunaan Strategi adalah satu bidang yang banyak dikaji pada masa kini, terutamanya dalam konteks bahasa pertama daripada bahasa kedua. Meringkaskan karangan adalah satu bidang yang kurang dikaji dalam konteks bahasa kedua walaupun ia amat penting untuk tujuan memahami petikan kefahaman. Kajian ini telah cuba mengkaji dan menilai strategi-strategi yang digunakan oleh pelajar tingkatan enam dalam penulisan ringkasan.

Kajian ini menggunakan kaedah gabungan iaitu kombinasi kedua-dua kaedah kuantitatif dan kaedah kualitatif dan lebih menumpu kepada kaedah kualitatif. Data kuantitatif diperolehi melalui soal-selidik SILL manakala data kualitatif diperolehi melalui kaedah temuramah Modified Think Aloud Protocol (MTAP) dan menganalisa skrip tulisan pelajar (ringkasan). Soal selidik SILL digunakan untuk mendapat satu pandangan umum mengenai penggunaan strategi oleh pelajar dalam pembelajaran Bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua sebelum memberi fokus kepada penggunaan strategi dalam meringkaskan karangan.

Strategi biasanya digunakan untuk mengatasi masalah. Oleh yang demikian, kajian ini pada mulanya mengkaji masalah yang dihadapi oleh pelajar berprofisiensi tinggi dan pelajar berprofisiensi rendah dan strategi yang mereka guna untuk mengatasi masalah pada tiga peringkat meringkaskan karangan iaitu peringkat kefahaman, ringkasan dan penghasilan. Strategi-strategi yang diguna oleh pelajar ditaaikul oleh pengkaji dari sesi MTAP dengan 10 orang subjek terpilih. Strategi-strategi tersebut kemudian

dikategorikan sebagai yang berhasil dan yang tidak berhasil berdasarkan satu instrumen menganalisa data yang dipanggil Criteria Checklist yang direka sendiri oleh pengkaji. Kaedah klasifikasi ini adalah unik dan tidak pernah digunakan dalam kajian-kajian berkaitan yang lain. Akhirnya, skrip tulisan ringkasan 25 orang dikaji untuk satu strategi berhasil terpilih iaitu ‘paraphrasing’ dan satu strategi tidak berhasil yang terpilih ‘copying’, adakah perbezaan dalam kegunaan strategi antara pelajar berprofisiensi tinggi dan pelajar berprofisiensi rendah.

Pertama, hasil kajian menunjukkan bahawa pelajar-pelajar menghadapi 3 kategori masalah yang utama dalam meringkaskan karangan iaitu berkaitan teks dan tugas, berkaitan guru dan berkaitan kebolehan pelajar sendiri. Perbezaan antara pelajar berprofisiensi tinggi dan pelajar berprofisiensi rendah adalah dari segi skop masalah walaupun jenisnya sama. Kedua, kajian ini juga telah mengenalpasti dua kumpulan strategi yang berhasil dan yang tidak berhasil. Ketiga, hasil kajian mendapati bahawa terdapat perbezaan dalam kegunaan strategi antara kumpulan profisiensi tinggi dan rendah. Kumpulan profisiensi tinggi lebih banyak menggunakan strategi berhasil iaitu ‘paraphrasing’ manakala kumpulan profisiensi rendah lebih cenderung menggunakan strategi tidak berhasil ‘copying’ dalam meringkaskan karangan.

Maka, bolehlah disimpulkan bahawa kombinasi beberapa faktor seperti profisiensi pelajar, kegunaan strategi berhasil dan pengajaran guru dalam kelas yang bersistematik boleh membantu dalam penghasilan ringkasan yang baik dan berkesan, satu kemahiran bahasa yang perlu dalam menguasai Bahasa Inggeris.